

26 MAR 1997

Tebang

KAWASAN PEMBUKAAN TANAH BESAR-BESARAN DIKENAL PASTI

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan percaya sekurang-kurangnya empat kawasan mungkin terlibat dalam kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di Selangor termasuk satu kawasan yang bukitnya diratakan dan semua pokok ditebang.

Menteri berkenaan Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah memulakan siasatan.

Jabatan itu akan mengemukakan laporan kepada beliau sebelum diajukan kepada mesyuarat Jemaah Menteri, katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini.

Dr Ting bagaimanapun tidak menyatakan lokasi kawasan-kawasan terbabit. Beliau juga berkata pihaknya belum mengenal pasti pemaju terbabit atau bilakah kebenaran diberikan untuk pembangunan kawasan berkenaan.

Semalam beliau dilaporkan berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan Kementerian menyiasat kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di utara Selangor.

Dr Mahathir telah membangkitkan perkara itu dalam mesyuarat Kabinet minggu lepas setelah melihatnya dalam penerbangan pulang selepas melawat Taman Negara.

Beliau berkata mesyuarat Kabinet hari ini tidak menetapkan sebarang tempoh masa bagi menyiapkan siasatan dan laporan itu.

Dr Ting juga berkata beliau telah mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan dan kerajaan-kerajaan negeri meningkatkan pemeriksaan terhadap projek pembangunan termasuk membuat pemeriksaan mengejut bagi memastikan tiada amalan penebangan pokok atau pemusnahan kawasan bukit dibuat secara sewenang-wenangnya.

Sambil menyifatkan kejadian terbaru itu sebagai mengejutkan, Dr Ting berkata walaupun kejadian sedemikian semakin berkurangan, ia masih berlaku.

Menurut beliau, jika terdapat bukti yang kukuh, pemaju terbabit akan dibawa ke mahkamah dan dikenakan hukuman berat mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa.

Pemotongan pokok atau bukit untuk tujuan pembangunan harus dirancang dengan baik, katanya. -- BERNAMA

RV PR